

SOALAN NO. 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN :

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [Selayang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan statistik mengenai keganasan rumah tangga dari tahun
2012 hingga 2016 dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani
masalah ini.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat prihatin dan memandang serius akan kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental sama ada kepada suami, isteri dan anak-anak mahupun anggota keluarga yang lain.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah kes keganasan rumah tangga dari tahun 2012 hingga 2016 adalah sebanyak **3325 kes** direkodkan. Pada tahun 2012 adalah sebanyak **565 kes** dicatatkan dan pada tahun 2013 adalah sebanyak **488 kes**. Pada tahun 2014 jumlah kes meningkat ke **707 kes** dan menurun ke **667 kes** pada tahun 2015 serta pada tahun 2016 mencatatkan **898 kes**.

Tuan Yang Dipertua,

Langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani masalah keganasan rumah tangga ialah:

1. Melindungi mangsa dari aspek perundangan – menggunakan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Interim (sementara menunggu penyiasatan pihak polis) dan Perintah Perlindungan (perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh Mahkamah);
2. Menyediakan khidmat sokongan tempat selamat atau tempat berlindung yang disediakan oleh JKM ataupun NGO untuk seseorang mangsa buat sementara waktu (sekiranya diperlukan) ;
3. Menyediakan khidmat kaunseling dan psikologi seperti perkhidmatan intervensi kaunseling dan program psikopendidikan yang dijalankan oleh Pegawai Psikologi di JKM, LPPKN atau JPW; dan

4. Menjalankan program advokasi dan literasi undang-undang kepada orang awam untuk menyebarkan maklumat berkenaan saluran bantuan dan aduan dan memberi kefahaman berkaitan peruntukan undang-undang seperti Seminar Literasi Undang-Undang (LUU) yang telah dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita pada setiap tahun.